Kenyataan Media

MCMC KELUARKAN TUNTUTAN STATUTORI TERHADAP TIKTOK KERANA GAGAL MENANGANI KANDUNGAN MENGHINA INSTITUSI DIRAJA MALAYSIA

CYBERJAYA, 21 Mei 2026 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengeluarkan Tuntutan Statutori terhadap TikTok susulan kegagalan platform tersebut mengambil tindakan yang sewajarnya dalam tempoh munasabah untuk menyekat dan menurunkan kandungan bersifat jelik melampau, palsu dan mengancam, serta akaun palsu yang ditujukan terhadap Institusi Diraja Malaysia.

Tindakan ini dilaksanakan susulan penularan kandungan yang dikaitkan dengan satu akaun yang kononnya berkaitan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim. Kandungan berkenaan mengandungi kenyataan yang jelik melampau, palsu, mengancam dan bersifat menghina, dan juga kandungan video yang dijana menggunakan kecerdasan buatan (AI) serta imej yang dimanipulasi, yang bukan sahaja berkemungkinan melanggar Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998), tetapi juga undang-undang jenayah lain di Malaysia.

MCMC memandang serius sebarang penyalahgunaan platform dalam talian bagi menyebarkan kandungan yang jelik melampau, palsu, berunsur ancaman atau memudaratkan ketenteraman awam, khususnya apabila melibatkan institusi Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu. Perkara ini tergolong dalam konteks 3R (Kaum, Agama dan Institusi Diraja) yang amat sensitif dan boleh menjejaskan ketenteraman awam, keharmonian negara serta penghormatan terhadap Institusi Perlembagaan.

Walaupun makluman dan libat urus terdahulu telah dilaksanakan, respons TikTok dalam menangani kandungan tersebut didapati tidak memuaskan, khususnya dalam memastikan penurunan kandungan dilakukan dengan segera serta menghalang penyebaran lanjut kandungan memudaratkan tersebut. Sebagai platform yang menyediakan perkhidmatan media sosial di Malaysia, pemberi perkhidmatan mempunyai tahap tanggungjawab yang lebih tinggi dalam memastikan perkhidmatan mereka tidak dieksploitasi bagi aktiviti-aktiviti yang memudaratkan dan menyalahi undang-undang.

Pengeluaran Tuntutan Statutori ini menghendaki TikTok melaksanakan langkah pembetulan segera, termasuk memperkukuhkan mekanisme pemantauan dan pengendalian kandungan. TikTok juga dikehendaki untuk memastikan penguatkuasaan yang lebih berkesan terhadap kandungan yang melanggar undang-undang Malaysia dan garis panduan komuniti platform. Selanjutnya TikTok juga dikehendaki memberikan penjelasan rasmi berhubung kegagalan menangani kandungan mudarat tersebut.

MCMC menegaskan bahawa ia akan terus mengambil tindakan kawal selia yang perlu dan setimpal dalam bidang kuasanya, termasuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya wajar, bagi menangani penyalahgunaan platform dalam talian. Pemberi perkhidmatan media sosial harus bertindak secara bertanggungjawab dan pantas dalam menangani kandungan yang menyalahi undang-undang, memudaratkan atau mengancam ketenteraman awam, khususnya dalam perkara yang menyentuh sensitiviti 3R.

MCMC akan terus mengambil tindakan tegas dan setimpal yang perlu bagi memastikan platform digital yang beroperasi di Malaysia melaksanakan tanggungjawab mereka dalam mengekalkan persekitaran dalam talian yang berhemah, selamat dan terjamin.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | **F**: + 60 3 86 88 10 00 | **E**: corporate.communications@mcmc.gov.my | **W**: www.mcmc.gov.my

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
MCMC_RASMI
SKMM_MCMC
MCMCTV